**MEDIA STATEMENT**

***For Immediate Release***

**IDEAS: CDF Allocations to MPs Should be Equitable, Not Subject to Political Bargaining**

**Kuala Lumpur, 11 November 2026:** The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) calls on the MADANI Government to end the practice of tying Constituency Development Fund (CDF) allocations for political support. Public funds should serve all constituents, regardless of their elected representatives' political affiliations.

The Confidence and Supply Agreement (CSA) signed on 29 October 2026 provides RM3 million in constituency allocations to its signatories in exchange for supporting Budget 2027 and several institutional reforms. While the CSA may support parliamentary stability, CDF allocations should not be tied to political commitments.

The current practice gives government MPs access to CDF by default, while opposition MPs must negotiate for similar allocations. This creates unequal treatment among elected representatives. Constituents should not be disadvantaged because their MPs are in the opposition.

IDEAS also questions the timing of the agreement, with several state elections and the next general election approaching. CDF must not become a tool to secure political support or strengthen the government's political position.

IDEAS reiterates its call, as outlined in the Kaukus Demokrasi Pelbagai Parti (KDPP)'s **Annual Report** and Position Paper and the CDF Bill championed by IDEAS and BERSIH, to institutionalise CDF allocations through legislation. The framework should be guided by the following three key principles:

- Equal access: All elected representatives should receive CDF allocations, regardless of political affiliation.
- Formula-based allocation: Allocations should reflect population size and constituency development needs.
- Transparency in allocation and reporting: CDF guidelines, allocation details and expenditure reports should be publicly available and open to parliamentary scrutiny.

In the longer term, CDF disbursement should be managed through a transparent institutional framework. MPs and ADUNs should identify local needs, while government agencies or elected local governments oversee the distribution of funds for community development and assistance to vulnerable groups.

"Ultimately, CDF reform should be a low-hanging fruit for this administration, given that it is part of a promise made in the PH Manifesto. As the next general election draws closer, Prime Minister Anwar Ibrahim has the opportunity to enact a reform that he himself has championed for years, demonstrating his administration's commitment to institutional reform and reinforcing his reformist credentials," said Aira Azhari, IDEAS CEO.

**ENDS**

For enquiries, please contact:

**Ryan Panicker**
Manager, Advocacy and Events
ryannesh@ideas.org.my

**About IDEAS**

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is an independent, non-partisan think tank based in Kuala Lumpur, Malaysia. Founded in 2010, IDEAS works to address public policy challenges through research and evidence-based policy solutions. Our work focuses on advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions, promoting an inclusive Malaysia, and supporting a more sustainable future.

Learn more at ideas.org.my

**KENYATAAN MEDIA**

***Untuk Siaran Segera***

**IDEAS: Peruntukan CDF Harus Sama Rata, Bukan Bahan Tawar-Menawar Politik**

**Kuala Lumpur, 11 November 2026:** Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) menggesa Kerajaan MADANI supaya menghentikan amalan mensyaratkan pemberian Peruntukan Pembangunan Kawasan (CDF) dengan sokongan politik. Dana awam seharusnya dimanfaatkan oleh semua penduduk di sesuatu kawasan pilihan raya, tanpa mengira fahaman politik wakil rakyat yang dipilih.

Perjanjian Sokongan Kepercayaan dan Belanjawan (*Confidence and Supply Agreement*, CSA) yang ditandatangani pada 29 Oktober 2026 memperuntukkan RM3 juta bagi setiap kawasan pilihan raya kepada Ahli Parlimen yang menandatanganinya sebagai balasan atas sokongan terhadap Belanjawan 2027 dan beberapa reformasi institusi. Walaupun CSA mungkin dapat menyumbang kepada kestabilan Parlimen, peruntukan CDF tidak seharusnya dikaitkan dengan komitmen politik.

Amalan semasa memberikan Ahli Parlimen kerajaan capaian kepada peruntukan CDF secara automatik, manakala Ahli Parlimen pembangkang perlu berunding untuk mendapatkan peruntukan yang sama. Keadaan ini mewujudkan layanan dua darjat antara wakil rakyat yang dipilih. Penduduk di sesuatu kawasan pilihan raya tidak seharusnya menerima layanan kelas kedua hanya kerana Ahli Parlimen mereka berada di pihak pembangkang.

IDEAS turut mempersoalkan waktu perjanjian ini dimeterai, memandangkan beberapa pilihan raya negeri dan Pilihan Raya Umum akan datang semakin hampir. CDF tidak seharusnya dijadikan alat untuk mendapatkan sokongan politik atau mengukuhkan kedudukan politik kerajaan.

IDEAS mengulangi gesaan, seperti yang digariskan dalam Laporan Tahunan dan Kertas Cadangan Dasar Kaukus Demokrasi Pelbagai Parti (KDPP), serta Kertas Pendirian dan Rang Undang-Undang CDF yang diperjuangkan oleh IDEAS bersama BERSIH, agar peruntukan CDF diinstitusikan melalui perundangan. Kerangka tersebut hendaklah berpandukan tiga prinsip utama seperti berikut:

- Capaian sama rata: Semua wakil rakyat yang dipilih harus menerima peruntukan CDF tanpa mengira fahaman politik.
- Peruntukan berasaskan formula: Jumlah peruntukan harus mengambil kira saiz populasi dan keperluan pembangunan kawasan pilihan raya.
- Ketelusan dalam pengagihan dan pelaporan: Garis panduan CDF, butiran peruntukan dan laporan perbelanjaan hendaklah tersedia untuk capaian awam serta terbuka kepada penelitian Parlimen.

Dalam jangka masa panjang, pengagihan CDF harus diuruskan melalui kerangka institusi yang telus. Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) harus mengenal pasti keperluan setempat, manakala agensi kerajaan atau kerajaan tempatan yang dipilih bertanggungjawab menyelia pengagihan dana bagi tujuan pembangunan komuniti dan bantuan kepada golongan rentan.

"Tuntasnya, reformasi CDF seharusnya menjadi antara perkara paling mudah untuk dilaksanakan oleh pentadbiran ini, memandangkan ia merupakan sebahagian daripada janji dalam Manifesto Pakatan Harapan (PH). Menjelang pilihan raya umum akan datang, Perdana Menteri Anwar Ibrahim berpeluang melaksanakan reformasi yang telah diperjuangkannya sendiri selama bertahun-tahun. Langkah ini akan membuktikan komitmen pentadbirannya terhadap reformasi institusi, sekali gus memperkukuh imej beliau sebagai seorang pemimpin reformis," kata Aira Azhari, Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS.

**TAMAT**

Untuk pertanyaan, sila hubungi:
**Ryan Panicker**
Pengurus, Advokasi dan Program
ryannesh@ideas.org.my

**Tentang IDEAS**

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) ialah sebuah badan pemikir bebas dan tidak berkepentingan yang berpangkalan di Kuala Lumpur, Malaysia. Ditubuhkan pada tahun 2010, IDEAS berusaha menangani cabaran dasar awam melalui penyelidikan serta penyelesaian dasar yang berasaskan bukti. Fokus utama IDEAS merangkumi usaha memajukan ekonomi yang berdaya saing, memperkukuh kepercayaan terhadap institusi, mempromosikan Malaysia yang terangkum, serta menyokong masa depan yang lebih lestari.

Ketahui lebih lanjut di ideas.org.my.